

Perbandingan Adat Perpatih di Naning dan Sumatera Barat¹

Norhalim Hj. Ibrahim
Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga,
Universiti Pertanian Malaysia,
Serdang.

Pendahuluan

Pokok perbincangan kertas kerja ini adalah Adat Perpatih di Naning. Adat ini hendak dibandingkan dengan, kalau tidak salah fahaman saya dengan Adat Perpatih di Sumatera Barat. Ini bererti daripada pemahaman umum, adat orang Sumatera Barat juga ialah Adat Perpatih. Namun, sejauh yang diketahui, mungkin saya silap, nama Adat Perpatih tidak pernah dikaitkan dengan adat Sumatera Barat.

Sumatera Barat adalah seluruh provinsi yang di dalamnya terkandung beberapa wilayah kecil dan setiap wilayah itu mempunyai adatnya sendiri. Antara wilayah yang terkenal ialah wilayah Minangkabau; namun orang Minangkabau tidak menamakan adatnya Adat Perpatih. Bagi orang Minangkabau, sistem sosial yang mereka amalkan ialah adat Alam Minangkabau. Selain Minangkabau, terdapat wilayah-wilayah Padang, Tiku Pariaman dan tempat-tempat lain. Setiap satu wilayah itu mengamalkan sistem-sistem sosial, yang jika diteliti secara terperinci, agak berbeza antara satu sama lain. Justeru itu, untuk membandingkan adat masyarakat Sumatera Barat dengan Adat Perpatih di Naning adalah satu proses yang sangat rumit.

¹ Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Adat Naning*, pada 15 Mac 1997 di Kompleks Mini Sukan Alor Gajah, Melaka.

awal sejarah, berkemungkinan pada zaman atau sebelum pembinaan candi Muaro Takuih yang mengikut Schnitger dibina pada sekitar abad ke-11 hingga 12 Masihi (1964:37-39). Perpindahan ini berlaku kerana mengikut tambo-tambo Minangkabau, rakyat Minangkabau pada masa itu sentiasa berada dalam keadaan cemas dan takut. Adat Minangkabau pada ketika itu dalam tambo dikenali sebagai *Zaman Undang-Undang Nan Tigo*³. Undang-undang ini pada dasarnya membenarkan rakyatnya melakukan apa sahaja yang dikehendaki. Dalam keadaan begini, yang kuat akan menang dan yang dahulu akan dapat; dan seandainya timbul sebarang masalah dan/atau persoalan dalam amalan sedemikian, rajalah yang akan menyelesaikannya atas dasar kuasa mutlak yang dimilikinya.

Selepas abad ke-11 atau 12 sekali lagi berlaku proses perpindahan rakyat Minangkabau ke arah luar Luak Nan Tigo. Ini disebabkan salah tafsir adat *Undang-Undang Tarik Balik* yang menggantikan Undang-Undang Nan Tigo di Minangkabau. Undang-undang baharu ini yang mengikut prinsip setiap kesalahan harus mendapat balasan yang setimpal telah mencetuskan pergaduhan, malahan peperangan antara suku, antara kampung berdasarkan *dendam jo kesumat*, dan perbuatan ini telah menjadi acara harian. Keadaan huru-hara ini telah sekali lagi menolak dan menggalakkan individu dan/atau kumpulan individu tertentu keluar daripada Luak Nan Tigo dan membuka petempatan baharu yang terpencil atau pindah ke Rantau Timur yang telah dibuka oleh penghijrah sebelumnya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:43).

³ Untuk keterangan lanjut mengenai Undang-Undang Nan Tigo ini lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:59).

Dalam abad ke-13 menjangkau abad ke-15, generasi kedua penghijrah Minangkabau inilah yang datang ke Wilayah Negeri Sembilan dan meneroka Rembau dan Naning. Justeru itu, peneroka Negeri Sembilan bukannya orang Minangkabau asli yang datang terus dari dataran tinggi Sumatera tetapi generasi kedua dan ketiga orang Minangkabau yang telah menetap di rantau Timur, dengan Siak sebagai negara kota utamanya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1991:50-53). Mungkin berdasarkan peristiwa itulah maka timbulnya kalimat 'bertali ke Siak' dalam perbilangan Negeri Sembilan.

Adat Perpatih Naning

Pada masa orang Sumatera sampai ke Negeri Sembilan dan Naning, daerah ini telah pun didiami oleh orang-orang Jakun. Mereka ini adalah pengamal sistem nasab ibu. Sistem mereka ini adalah selari atau bersamaan dengan sistem sosial yang diamalkan oleh pendatang-pendatang dari Sumatera.

Jika dibandingkan antara kedua-dua sistem ini maka sistem orang Sumatera itu adalah lebih maju. Ini dijelaskan dalam perbilangan yang berbunyi:

Gagak hitam, gagak senoi:
turun dari bukit, berkaki empat,
bayan putih,
datang dari laut, berkepak sayap⁴.

Oleh demikian keadaannya, maka apabila orang-orang Sumatera ini menjadi penghuni kekal wilayah ini, mereka telah memperbaiki, mengindah

⁴ Untuk keterangan lanjut maksud lambang dalam perbilangan ini lihat Ibrahim Atin, 1959:13, Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:94-95).

dan memurnikan lagi sistem masyarakat anak watan tersebut. Sebagaimana proses metemorphosis budaya yang lain, yang maju mengatasi yang mundur, dan setelah berlaku pengubahsuaian sistem adat di wilayah ini maka sistem adat tersebut yang kini dikenali sebagai Adat Perpatih adalah satu sistem baharu yang berbeza daripada sistem Adat Minangkabau. Oleh sebab, pendatang itu adalah orang-orang rantau timur Minangkabau, khususnya orang Siak maka Adat Perpatih Negeri Sembilan dan Naning adalah lebih mirip dengan sistem adat Siak atau tegasnya wilayah dari provinsi Riau sekarang. Tidak cukup dengan itu, persamaan antara Negeri Sembilan Siak ini berlanjutan sehingga ke bentuk bahasa dan rumah tempat tinggal.

Adat Perpatih dan Adat Alam Minangkabau

Masyarakat Melayu Semenanjung Malaysia beranggapan bahawa adat Melayu terdiri daripada dua jenis. Pertama Adat Perpatih iaitu adat yang diamalkan oleh orang-orang Negeri Sembilan dan Naning. Kedua iaitu Adat Temenggung yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di luar kedua-dua wilayah yang disebut tadi. Bagi orang-orang Negeri Sembilan, dari segi adat Negeri Sembilan itu terbahagi kepada dua wilayah. Daerah yang di pedalaman seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Seremban adalah wilayah Adat Perpatih. Masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang tinggal di pesisiran atau berhampiran laut dalam konteks daerah moden, daerah Port Dickson, adalah pengamal Adat Temenggung.

Di Minangkabau pula, pembahagian antara kedua-dua sistem ini tidak jelas dan nyata. Mengikut tambo adat Alam Minangkabau, adat yang disusun oleh Sutan Balun, iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang adalah berwilayahkan Bodi Caniago dan wilayah kekuasaan Sultan Maharajo Basa atau Datuk Ketemenggungan ialah Kota Piliang. Walaupun kedua-dua sistem adat ini dibahagikan kepada dua wilayah khusus, namun pembahagian ini mungkin berupa perlambangan kerana dalam wilayah yang disebut sebagai kawasan Bodi Caniago (Adat Perpatih?) terletak pusat Kota Piliang dan kekuasaan diraja; sementara dalam wilayah yang dikatakan Koto Piliang (Adat Temenggung?) terletak Nagari Lima Kaum yang termasyhur sebagai nagari penting Bodi Caniago. Apa yang mungkin ingin dinyatakan oleh penulis-penulis tersebut adalah, antara kedua-dua sistem itu tidak ada pembahagian yang nyata, yang sebenar dan yang ditentukan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:45).

Ahli-ahli masyarakat Koto Piliang dan Bodi Caniago hidup berjiran dalam sebuah nagari. Antara kedua-duanya tidak dapat persaingan atau persinggitan dalam apa juga aspek sehingga dikatakan kedua-dua sistem itu sehinia dan semalu juga; atau *beragih-agih indak berceraai*. Ini bermakna, sungguhpun rakyat Minangkabau terbahagi kepada dua sistem, mereka tidak berpecah-belah, sebaliknya masih bersatu. Tambo mengibaratkan kedua-dua sistem ini seperti paruh dan sayap seekor burung. Jika kusut sayap (Koto Piliang) diselisik oleh paruh (Bodi Caniago); jika kotor paruh, dibersihkan oleh sayap (Ahmad dan Madjoindo, 1956:32).

Antara kedua-dua sistem adat di Minangkabau ini dari segi kekerabatan mempunyai persamaan, tetapi corak melaksanakan hukum adalah berlainan sekali. Orang Koto Piliang menganut adat:

Berjinjang naik,
bertangga turun.

Dalam perbilangan di atas, *jinjang* bermaksud tempat mula naik, manakala *tangga* bermaksud tempat mula turun. Dengan kata lain, sembah atau pengaduan mestilah naik daripada anak buah kepada pemimpin melalui jinjang, manakala titah atau sabda mestilah turun daripada pemimpin kepada anak buah melalui tangga.

Antara anak buah dan pemimpin, tidak ada perhubungan langsung melainkan mesti melalui saluran yang telah ada, begitu juga sebaliknya. Menurut adat Bodi Caniago, seandainya seseorang itu ingin membuat pengaduan, tuntutan atau memohon penyelesaian masalah ke peringkat yang tertinggi, dia haruslah membawanya atau melalui beberapa peringkat atau beberapa anak jinjang pada sesuatu masa, menurut prosedur yang ditentukan (Rasjid Manggis, 1971:117).

Bodi Caniago pula adalah dikatakan mengamalkan ciri-ciri sistem egalitarian atau demokrasi. Menurut tambo, adatnya adalah:

Menjanuk pada tempat yang jernih,
berkata pada yang benar.

Orang Makkah membawa teraju,
Orang Baghdad membawa telur,
Telur dimakan bulan puasa;
Rumah gadang bersendi satu,
Adat bersendi halur,
Halur itu akan ganti raja.

(Ahmad dan Madjoindo, 1956:39)

Oleh sebab keadaan pentadbirannya yang demokratik ini, maka rakyat atau masyarakat dan pemimpin di Bodi Caniago:

Duduknya sama rendah,
tegaknya sama tinggi.

Duduk sehamparan,
tegak sepematang.

Datar seperti lantai papan,
Licin seperti dinding cermin.

Aturan ini menunjukkan perbezaan perjalanan atur cara hukum di Koto Piliang dan Bodi Caniago. Jika di Koto Piliang terdapat *adat berjinjang naik bertanggung turun*, di Bodi Caniago pula setiap masalah rakyat dibawa sekali kekerapatan nagari. Kekerapatan nagari inilah mahkamah terendah dan yang tertinggi di wilayah Bodi Caniago (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:65-66). Di sinilah berlakunya pepatah:

Rumah sudah tukang dibunuh,
tidak boleh diturus (ditiru) lagi.

Jika dilihat sistem pentadbiran Adat Perpatih di Naning dan Negeri Sembilan maka didapati bahawa ia adalah gabungan antara kedua-dua sistem Minangkabau tersebut. Malahan di Naning dan Negeri Sembilan, pemimpin-pemimpin adat khususnya Penghulu/Undang telah diberi kuasa lebih. Ini jelas terbukti dalam perbilangan-perbilangan yang menyangkut tentang kuasa pemimpin di Naning dan Negeri Sembilan. Antaranya ialah:

Pusaka Lembaga bersekat,
Lembaga berlingkungan,
tali pengikat pada Lembaga,
kata pemutus pada Lembaga,
sah batal pada Lembaga.

Penghulu itu:
boleh menghitam dan memutihkan,
boleh memanjang dan memendekkan,
boleh mengesah dan membatalkan.

Keris penyalang pada Undang (Penghulu),
Hidup mati pada Undang (Penghulu).

Berdasarkan perbilangan-perbilangan di atas dan beberapa perbilangan lain yang berkait dengan kuasa pemimpin, pengkaji sistem Adat Perpatih di Naning dan Negeri Sembilan berkemungkinan untuk merumuskan bahawa sistem Adat perpatih di kedua-dua tempat ini adalah lebih mirip kepada sistem adat Koto Piliang --- Adat Ketemenggungan.

Perbezaan Antara Kedua-dua Adat

Huraian ringkas di atas telah mengemukakan beberapa pandangan yang agak berbeza daripada pendapat kini seperti yang diketahui umum. Antaranya ialah:

1. Penduduk Naning dan negeri Sembilan bukan keturunan langsung dari Minangkabau (Sumatera Barat).
2. Adat yang dibawa oleh orang Sumatera (Siak) ke naning dan Negeri Sembilan bukannya tulen adat Minangkabau tetapi adalah campuran adat Minangkabau sebelum tersusunnya *Adat Tuah Disakato* oleh Sutan Balun dengan adat orang asli Siak yang juga berdasarkan sistem nasab ibu.
3. Larutan adat Minangkabau ini apabila dibawa ke daerah sini telah sekali lagi diadun dengan sistem sosial orang-orang Jakun yang juga

mengamalkan sistem nasab ibu. Hasil daripada adunan ini sudah pasti membezakan adat Minangkabau dengan Adat perpatih di Naning dan Negeri Sembilan.

Pengadunan ini dan juga dipengaruhi oleh faktor masa dan persekitaran maka adat di Naning dan di Negeri Sembilan hari ini adalah satu sistem adat yang tersendiri dan unik. Oleh sebab adat di Naning dan di Negeri Sembilan itu berdiri dengan sendirinya maka sudah tentu terdapat perbezaan antaranya dengan sistem adat Minangkabau.

Perbezaan ini boleh dilihat dari beberapa aspek utama masyarakat. Antaranya ialah:

1. Bahasa ---- loghat Minangkabau berbeza dengan loghat Naning dan Negeri Sembilan.
2. Sastera ---- di Naning dan Negeri Sembilan tidak wujud genre *kaba*.
3. Seni bina ---- di Naning dan Negeri Sembilan tidak wujud rumah gadang atau rumah yang bumbungnya berbentuk gonjong.
4. Konsep *Bundo Kandung* ----- walaupun di Sungai Ujung wujud konsep *Ibu Soko* tetapi jika diteliti fungsi dan kewujudan kedua-dua tokoh ini adalah berlainan sama sekali.
5. Konsep *Anak dipangku kemanakan dibimbing* adalah satu amalan yang mesti dalam amalan masyarakat Minangkabau. Di Naning dan Negeri sembilan, ayah adalah bertanggungjawab penuh ke atas anaknya dan bukan anak buahnya.
6. Suami-suami di Naning dan di Negeri Sembilan adalah berkuasa penuh dalam lingkungan *bendul yang empat*; tetapi tidak di

Minangkabau. Pada zaman tradisi suami di minangkabau hanya balik ke rumah isteri pada waktu malam dan meninggalkan rumah itu sebelum subuh. Pada siang hari orang semenda di Minangkabau harus berada di kawasan suku atau kaumnya.

7. Politik ---- dalam bidang politik selain perbezaan di bahagian awal tadi terdapat juga perbezaan gelaran klasifikasi. Di Minangkabau wujud gelaran-gelaran Penghulu, Mamak Kepala Waris, Tunggan, Mamak Rumah dan gelaran-gelaran lain yang berkait dengan kelompok kekeluargaan. Sedangkan di Naning dan di Negeri Sembilan, terdapat gelaran Penghulu/Undang, Lembaga, Buapak, Besar, Tua dan Kadim.
8. Dalam adat Naning dan negeri Sembilan tidak wujud konsep atau institusi *Tiga Tungku Sejarangan* dan/atau *Tiga Tali Sepilin* yang wujud dan berfungsi di Minangkabau.
9. Konsep harta ---- di naning dan di Negeri Sembilan ada konsep harta *tanah pusaka waris, tanah pusaka suku* dan *tanah pusaka tebus*: manakala di Minangkabau terdapat konsep *harta tinggi* atau *harta basalin* dan *harta rendah*.

Di samping perbezaan terdapat juga persamaan iaitu kedua-dua adat mengamalkan sistem keturunan nasab ibu. Mereka mengelompokkan masyarakat kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil. Konsep pengelompokan ini adalah sama tetapi istilah yang digunakan adalah berbeza. Di Minangkabau terdapat pengelompokan yang diberi nama: suku yang boleh dipecahkan kepada *Hindu, Buah Perut* atau *Payung* dan yang

terkecil ialah *Kelompok Kampung* (Batuah dan Tanameh, t.t.:21). Di Naning dan di Negeri Sembilan pula, suku itu dipecahkan kepada *perut*, *ruang* atau *jurai* dan *rumpun*.

Berikutan dengan wujudnya konsep bersuku-suku di kedua-dua wilayah maka orang yang sesuku adalah dianggap sebagai adik-beradik, jodoh haruslah datang dari luar suku sendiri dan tempat tinggal setelah berkahwin adalah matrilokal.

Penutup

Sebagai penutup, apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah: adat Naning dan adat Minangkabau adalah dua adat yang berbeza. Kesamaan hanyalah terdapat pada dasarnya sahaja tetapi dari segi pengkonsepsian dan pengamalannya nyata berbeza.

Persoalan yang harus dilihat di sini ialah mengapa perlu kita mencari perbezaan antara dua sistem adat yang berjauhan. Sepatutnya kita teliti dahulu perbezaan dari semua segi sistem Adat Perpatih yang dianuti oleh masyarakat yang tinggal berdekatan iaitu antara Naning dengan luak-luak adat di Negeri Sembilan. Jika kita melihat secara terperinci antara Adat Perpatih di luak Naning dan di luak-luak Rembau, Sungai Ujung, Jelevu dan Johol juga terdapat perbezaan dan kelainannya masing-masing. Kewujudan perbezaan antara sistem-sistem Adat Perpatih di Semenanjung Malaysia ini memungkinkan penyelidik menyatakan bahawa setiap satu sistem di luak tersebut telah bangun dan berkembang secara bersendirian.

Persoalan penting yang harus difikirkan bersama adalah kedudukan Adat Perpatih itu sendiri. Dalam proses perkembangan dan perubahan masyarakat kini adalah diakui bahawa kemasukan nilai bayangan budaya barat ke dalam masyarakat Adat Perpatih adalah ekstensif. Idea-idea dan pilihan ahli-ahli masyarakat adat telah dibentuk semula oleh nilai yang dibawa bersama dengan perkembangan fahaman kapitalis barat di negara ini. Akibatnya masyarakat Adat Perpatih hari ini malu mengakui diri sebagai pengamal adat.

Akhir-akhir ini pemimpin negara telah menyarankan agar rakyat Malaysia termasuk mereka yang mengamalkan Adat Perpatih supaya menerapkan nilai-nilai yang dianggap baharu oleh mereka dalam Wawasan 2020. Pada hakikatnya hampir semua keperluan sosial yang disarankan dalam wawasan itu termasuklah ciri-ciri kepimpinan berkualiti ada tersurat dan tersirat dalam sistem Adat Perpatih. Kepada ahli masyarakat yang mengakui sebagai anak kelahiran Naning dan Negeri Sembilan yang sering menyatakan bahawa Adat Perpatih itu kolot dan ketinggalan zaman, jika cuba mengamalkan apa yang disarankan oleh Wawasan 2020 itu adalah bererti mereka seolah-olah menjilat air ludah sendiri. Justeru itu telah sampailah masanya pihak pemimpin adat baik di Naning dan di Negeri Sembilan melihat kembali kemungkinan pengamalan semula Adat Perpatih dengan pembaharuan-pembaharuan dan pengemaskinian aspek-aspek yang perlu dalam adat tersebut.

Bibliografi

Bibliografi

- Abdul Rahman Hj. Mohamad, *Dasar-Dasar Adat Perpatih*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
- Ahmad Dt. Batuah dan A. Dt. Madjoindo, *Tambo Minangkabau dan Adatnya*. Balai Pustaka, Djakarta, 1968.
- Bahar Dt. Nagari Basa, *Tambo dan Sisilah Adat Minangkabau*, Penerbit C.V. Elinora, Pajakumboh, 1966.
- Batuah A.M.Dt. Maruhun dan D.H. Baginda Tanameh, *Hukum Adat dan Adat Minangkabau*, N. V. Poesaka Aseli, Djakarta, t. t. (?)
- Cave, J., *Naning in Melaka*, Monograph No. 6, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1989.
- de Moubray, G. A. de C., *Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries*, George Routledge & Sons, London, 1931.
- Ibrahim b. Atin, *Perbilangan Adat*, Sinaran Bros., Pulau Pinang, 1956.
- Navis, A. A., *Alam Berkembang Jadi Guru. Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, P. T. Grafiti, Djakarta, 1984.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993.
- _____, *Negeri Yang Sembilan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1995.
- _____, *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1996.
- Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoeloe, *Minangkabau, Sedjarah Ringkas dan Adatnya*, Sri Dharma, Padang, 1971.
- Schmitger, F. M., *Forgotten Kingdom in Sumatera*, E. J. Brill, Leiden, 1964.
- Shahba, *Pusaka Naning*, The Sentosa Store, Kuala Pilah, 1951.

- Abdul Rahman Hj. Mohamad, *Dasar-Dasar Adat Perpatih*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
- Ahmad Dt. Batuah dan A. Dt. Madjoindo, *Tambo Minangkabau dan Adatnya*. Balai Pustaka, DJakarta, 1968.
- Bahar Dt. Nagari Basa, *Tambo dan Sisilah Adat Minangkabau*, Penerbit C.V. Elinora, Pajakumboh, 1966.
- Batuah A.M.Dt. Maruhun dan D.H. Baginda Tanameh, *Hukum Adat dan Adat Minangkabau*, N. V. Poesaka Aseli, Djakarta, t. t. (?)
- Cave, J., *Naning in Melaka*, Monograph No. 6, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1989.
- de Moubray, G. A. de C., *Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries*, George Routledge & Sons, London, 1931.
- Ibrahim b. Atin, *Perbilangan Adat*, Sinaran Bros., Pulau Pinang, 1956.
- Navis, A. A., *Alam Terkembang Jadi Guru. Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, P. T. Grafiti, Djakarta, 1984.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993.
- _____, *Negeri Yang Sembilan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1995.
- _____, *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1996.
- Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoeloe, *Minangkabau, Sedjarah Ringkas dan Adatnya*, Sri Dharma, Padang, 1971.
- Schnitger, F. M., *Forgotten Kingdom in Sumatera*, E. J. Brill, Leiden, 1964.
- Shahba, *Pusaka Naning*, The Sentosa Store, Kuala Pilah, 1951.